



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

FEBRUARI 2021

February 2021



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 1.8 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN BAGI BULAN FEBRUARI 2021**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Februari 2021 meningkat sebanyak 1.8 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Februari 2020. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus.
2. Peningkatan IHP adalah didorong oleh peningkatan harga dan kos Pengangkutan (7.7 peratus); Makanan dan Minuman Ringan (3.9 peratus); dan Perhubungan (1.3 peratus). Walaubagaimanapun, peningkatan ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Pakaian dan Kasut (8.8 peratus); Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.9 peratus); dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.5 peratus).
3. Kenaikan bagi harga Pengangkutan sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor diikuti oleh tiket penerbangan.
4. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh kenaikan harga makanan seperti sayur-sayuran; ayam; dan juga daging lembu dan kerbau. Kenaikan harga sayur-sayuran adalah disebabkan oleh faktor perubahan cuaca yang tidak menentu. Sementara itu, kenaikan harga ayam, daging lembu dan kerbau adalah antarlainnya disebabkan oleh peningkatan permintaan domestik berikutan sekatan perjalanan (*travel restriction*) keluar negara dan juga bekalan import yang terhad.
5. Seterusnya, kos Perhubungan meningkat adalah disebabkan oleh peralatan telefon dan telefax, khususnya telefon bimbit yang baru diperkenalkan di pasaran; dan perkhidmatan telefon dan telefax, khususnya perubahan dalam harga pakej perkhidmatan perhubungan.
6. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Februari 2021 meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding dengan bulan Januari 2021. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.7 peratus manakala Indeks Bukan Makanan meningkat sebanyak 0.4 peratus.

7. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) FEBRUARI 2021



IHP mengukur perubahan harga pada sebakul tetap barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh sebahagian besar isi rumah di Negara Brunei Darussalam.

Feb 2021 /
Feb 2020

Feb 2021 /
Jan 2020

Indeks Keseluruhan

▲ 1.8

▲ 0.5



Makanan dan Minuman Ringan

▲ 3.9

▲ 0.7



Bukan Makanan

▲ 1.3

▲ 0.4



Pakaian dan Kasut

▼ 8.8

▲ 1.9



Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain

▼ 0.2

▲ 0.01



Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah

▼ 1.9

▲ 0.1



Kesihatan

▲ 0.7

▲ 0.01



Pengangkutan

▲ 7.7

▲ 1.0



Perhubungan

▲ 1.3

▲ 0.0



Rekreasi dan Kebudayaan

▲ 1.1

▲ 0.1



Pendidikan

▲ 0.1

▲ 0.0



Restoran dan Hotel

▲ 0.4

▲ 0.4



Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan

▼ 0.5

▲ 0.04

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP)

FEBRUARI 2021

PENYUMBANG UTAMA KEPADA PERUBAHAN TAHUNAN

1



Kereta bermotor dan tiket penerbangan

2




Sayur-sayuran

Ayam

Daging lembu & kerbau

3



Telefon bimbit dan pakej perkhidmatan perhubungan yang baru



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 1.8 PER CENT
YEAR-ON-YEAR IN FEBRUARY 2021**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in February 2021 increased by 1.8 per cent year-on-year compared to February 2020. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages increased by 3.9 per cent. Meanwhile, Non-Food prices increased by 1.3 per cent.*
2. *The CPI increase was largely attributed to increases in the prices and costs of Transport (7.7 per cent); Food and Non-Alcoholic Beverages (3.9 per cent); and Communication (1.3 per cent). However, this was moderated by decreases in prices and costs of Clothing and Footwear (8.8 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.9 per cent); and Miscellaneous Goods and Services (0.5 per cent).*
3. *The increase in prices of Transport was mainly due to the rise in prices of motor vehicles followed by flight tickets.*
4. *Increase in Food and Non-Alcoholic Beverage prices was driven by the hike in food prices such as vegetables; chicken; as well as beef and buffalo meat. The increase in the price of vegetables was due to uncertain weather conditions. Meanwhile, the increase in the price of chicken, beef and buffalo meat was due to, among others, increased domestic demand following travel restrictions and limited import supply.*
5. *Furthermore, the rising cost of Communication was due to telephone and telefax equipment, specifically new handphones being introduced in the market; and telephone and telefax services, specifically changes in the prices of communication service packages.*
6. *On a month-on-month basis, the CPI in February 2021 increased by 0.5 per cent compared to January 2021. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.7 per cent while the Non-Food Index increased by 0.4 per cent.*
7. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for February 2021 is available from DEPS' website: www.deps.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (CPI)

FEBRUARY 2021



CPI measures the change in prices of a fixed basket of goods and services purchased by the majority of household in Brunei Darussalam.



CONSUMER PRICE INDEX (CPI)

FEBRUARY 2021

MAIN CONTRIBUTORS TO YEAR-ON-YEAR CHANGES

1



Transport

7.7

Motor vehicles
and flight tickets

2



**Food and Non-
Alcoholic Beverages**

3.9

Vegetables

Chicken

Beef & buffalo meat

3



Communication

1.3

New mobile phones
and communication
service packages